



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**PANDUAN:
PERKHIDMATAN SEWA
KENDERAAN PENUMPANG**

(VERSI 3)

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

30 Jun 2025

Penerbitan

Tarikh: 3 September 2025

Panduan Perkhidmatan Sewa Kenderaan Penumpang pada 14 Jun 2024 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Sewa Kenderaan Penumpang bertarikh 30 Jun 2025.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TERMINOLOGI.....	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	3
OPERASI UMUM INDUSTRI.....	5
Skop Perkhidmatan Sewa Kenderaan Penumpang (SKP).....	5
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERKHIDMATAN SKP	
SEHINGGA 30 JUN 2025.....	5
PERKHIDMATAN SEWA KENDERAAN PENUMPANG BERHUBUNG	
KAWASAN DITETAPKAN	7
PERKHIDMATAN SEWA KENDERAAN PENUMPANG BERHUBUNG	
KAWASAN KHAS	8
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	10
PERTANYAAN	14
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST.....	14

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan- Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018).
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewa kenderaan penumpang.
6. Layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewa kenderaan penumpang yang dinyatakan dalam Panduan ini **hanya terpakai sehingga 30 Jun 2025**.

TERMINOLOGI

7. Perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:

- a) “**bas**” ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya tidak kurang daripada lapan orang (termasuk pemandu) (*Jadual Pertama, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010*);
- b) “**bas sewa**” ertinya suatu bas yang disewa secara keseluruhan bagi satu perjalanan yang bayarannya dibuat kepada pemunya oleh orang yang menyewa bas itu (*Jadual Pertama, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010*);
- c) “**kereta sewa**” ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi enam orang atau, dalam kawasan yang diluluskan oleh Suruhanjaya, dua belas orang (dalam semua keadaan termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam satu perjalanan sebagai balasan bagi bayaran berasingan yang dibuat oleh mereka (*Jadual Pertama, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010*);
- d) “**kereta sewa dan pandu**” ertinya suatu kenderaan motor yang disewakan bagi maksud untuk dipandu oleh penyewa atau penamanya (*Jadual Pertama, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010*);
- e) “**bas persiaran**” ertinya suatu bas yang digunakan semata-mata untuk membawa pelancong dan sebagai balasan bagi suatu bayaran yang tiada peringkat tambang (*Jadual Kedua, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010*);
- f) “**kereta sewa dan pandu untuk pelancong**” ertinya suatu kenderaan motor yang disewa bagi maksud untuk dipandu oleh penyewa atau penamanya sama ada pelancong atau bukan pelancong, dan yang digunakan semata-mata untuk membawa pelancong atau pelancong-pelancong (*Jadual Kedua, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010*);
- g) “**Kawasan Khas**” ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967 (*Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*);

- h) “**Kawasan Ditetapkan**” ertinya Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor
(Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018).

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

8. Mulai 1 September 2018, di bawah butiran 7, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang diberikan lesen pengendali berikut iaitu:

- (i) Seksyen 18 atau 38, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) bagi Semenanjung Malaysia;
- (ii) Seksyen 16, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; atau
- (iii) Seksyen 4, Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

dan memberikan perkhidmatan kereta sewa dan pandu, kereta sewa, bas carter atau bas persiaran (dirujuk sebagai perkhidmatan sewa kenderaan penumpang) dengan nilai perkhidmatan melebihi RM500,000.00 dalam masa 12 bulan adalah bertanggung berdaftar cukai perkhidmatan.

9. Berkuat kuasa 1 Julai 2025, perkhidmatan sewa kenderaan penumpang di butiran 7, Kumpulan I, Jadual Pertama, PPCP 2018 telah dipotong dari Kumpulan I, Jadual Pertama, PPCP 2018 dan dipindahkan ke Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018 sebagai perkhidmatan sewaan atau pajakan.

10. Di bawah perkhidmatan sewaan atau pajakan ini, skop orang kena cukai dan perkhidmatan bercukai adalah seperti berikut:

Perkara	Kumpulan K, Jadual Pertama
Orang kena cukai	Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan.
Perkhidmatan bercukai	Penyediaan semua jenis perkhidmatan sewaan atau pajakan aset ketara termasuk apa-apa perkhidmatan lain yang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan itu kecuali penyediaan perkhidmatan— (i) bagi sewaan atau pajakan rumah tempat tinggal; (ii) bagi sewaan atau pajakan bahan bacaan; (iii) bagi sewaan atau pajakan aset ketara yang terletak di luar Malaysia; atau (iv) bagi pajakan aset ketara melalui suatu pajakan kewangan.
Nilai perkhidmatan bercukai	RM1 juta

11. Untuk keterangan lanjut mengenai perkhidmatan sewaan atau pajakan, sila rujuk **Panduan Perkhidmatan Sewaan atau Pajakan**.

PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

12. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak

kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

13. Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di butiran 7, ruang (2), Kumpulan I, Jadual Pertama, PPCP 2018 untuk orang kena cukai penyedia perkhidmatan sewa kenderaan penumpang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar cukai 8% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

14. Layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan.**

OPERASI UMUM INDUSTRI

Skop Perkhidmatan Sewa Kenderaan Penumpang (SKP)

15. Perkhidmatan SKP merujuk kepada penyediaan perkhidmatan berikut:

- (i) perkhidmatan kereta sewa dan pandu; atau
- (ii) perkhidmatan kereta sewa; atau
- (iii) perkhidmatan bas carter; atau
- (iv) perkhidmatan bas persiaran.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERKHIDMATAN SKP SEHINGGA 30 JUN 2025

16. Perkhidmatan sewa kenderaan penumpang berikut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan :

- a) Kenderaan yang dilesenkan di bawah seksyen 18, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 untuk kenderaan perkhidmatan awam :

- (i) bas carter;
- (ii) kereta sewa; atau
- (iii) kereta sewa dan pandu.

b) Kenderaan yang dilesenkan di bawah seksyen 38, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 untuk perkhidmatan kenderaan pelancongan :

- (i) bas persiaran; atau
- (ii) kereta sewa dan pandu untuk pelancong.

c) Kenderaan yang dilesenkan seksyen 16 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan :

- (i) bas carter;
- (ii) bas persiaran;
- (iii) kereta sewa; atau
- (iv) kereta sewa dan pandu.

d) Kenderaan yang dilesenkan di bawah seksyen 4 Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan:

- (i) bas persiaran; atau
- (ii) kereta sewa dan pandu.

17. Perkhidmatan SKP **tidak termasuk** perkhidmatan berikut:

- (i) Bas berhenti-henti;

- (ii) Bas ekspres;
- (iii) Bas mini;
- (iv) Bas pekerja;
- (v) Bas pengantara;
- (vi) Bas sekolah;
- (vii) Bas lapangan terbang;
- (viii) Teksi;
- (ix) Teksi lapangan terbang; dan
- (x) Teksi mewah (*taxi limosin*).

18. Antara contoh caj-caj perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) bayaran sewaan kenderaan (masa / jarak);
- (ii) bayaran perkhidmatan pemandu;
- (iii) caj *drop-off* / penghantaran (caj dikenakan ke atas kereta sewa yang dikembalikan dari tempat mereka diambil);
- (iv) sewaan tempat duduk kanak-kanak atau *seat-booster*;
- (v) surcaj bahan api;
- (vi) insurans yang dikenakan oleh pengendali SKP.

****Nota: Senarai di atas bukan senarai penuh.**

PERKHIDMATAN SEWA KENDERAAN PENUMPANG BERHUBUNG KAWASAN DITETAPKAN

19. Berdasarkan Seksyen 48, ACP 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan (KD) atau di antara KD dengan kawasan khas (KK) melainkan jika

Menteri menetapkan selainnya melalui suatu perintah di bawah seksyen 51, ACP 2018.

20. Berdasarkan Seksyen 49, ACP 2018, perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam Malaysia (selain KD dan KK) oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

21. Berdasarkan Seksyen 50, ACP 2018, perkhidmatan bercukai yang diberikan ke KD oleh orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

22. Sekiranya penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia membuka cawangan atau pejabat di KD, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh cawangan atau pejabat itu kerana penentuan layanan cukai perkhidmatan adalah berdasarkan tempat perniagaan utama di Malaysia dan bukannya lokasi cawangan atau pejabatnya.

PERKHIDMATAN SEWA KENDERAAN PENUMPANG BERHUBUNG KAWASAN KHAS

23. Berdasarkan Seksyen 53, ACP 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas (KK) atau di antara KK dengan KD melainkan jika Menteri menetapkan selainnya melalui suatu perintah di bawah seksyen 56, ACP 2018.

24. Berdasarkan Seksyen 54, ACP 2018, perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam Malaysia (selain KD dan KK) oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

25. Berdasarkan Seksyen 55, ACP 2018 pula, perkhidmatan bercukai yang diberikan ke KK oleh orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

26. Sekiranya penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia membuka cawangan atau pejabat di KK, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh cawangan atau pejabat itu kerana penentuan layanan cukai perkhidmatan adalah berdasarkan tempat perniagaan utama di Malaysia dan bukannya lokasi cawangan atau pejabatnya.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

27. Penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

28. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- (iv) menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1. S : Bagaimana untuk menjadi orang berdaftar?**

J : Pengendali sewa kenderaan penumpang (SKP) yang menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai dan mempunyai perolehan melebihi RM500,000 perlu memohon pendaftaran secara dalam talian dengan mengemukakan borang SST-01 melalui sistem MySST.

- 2. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai?**

J : Pengendali SKP berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membuat bayaran secara elektronik (MySST) dan pos ke Pusat Pemprosesan Kastam di Kelana Jaya. Kaedah pembayaran sama ada menggunakan cek atau bank draf. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Penyata dan Pembayaran**.

- 3. S : Adakah pengendali SKP perlu mengeluarkan invois?**

J : Dalam peraturan cukai perkhidmatan, semua transaksi oleh orang berdaftar mesti mengeluarkan invois. Orang berdaftar boleh memohon untuk menggunakan dokumen lain bagi menggantikan invois dan tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

- 4. S : Hotel XY Sdn. Bhd. tidak dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 tetapi orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Adakah perkhidmatan sewa kereta yang disediakan oleh hotel tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

- J : Ya, walaupun hotel tidak dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992, semua perkhidmatan disediakan oleh hotel adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan A termasuklah perkhidmatan sewa kereta.
5. **S : Pengendali kereta sewa memerlukan pelancong untuk meletakkan deposit sewa kereta. Adakah deposit tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Jika deposit tidak dianggap sebagai sebahagian daripada pembayaran sewa dan ia akan dikembalikan kepada pelancong, deposit tersebut tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Sekiranya dianggap sebagai sebahagian daripada pembayaran sewa, deposit tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
6. **S : Syarikat Jaya Tours & Car Rental Sdn Bhd (SJTCR) di Sabah adalah merupakan syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] tetapi tidak dilesenkan di bawah Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Adakah perkhidmatan sewa kereta yang disediakan oleh syarikat tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya, perkhidmatan sewa kereta yang disediakan oleh SJTCR adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan berkuat kuasa 1 September 2018 kerana SJTCR adalah orang kena cukai di bawah butiran 7, ruang (1), Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Berkuat kuasa 1 Julai 2025, perkhidmatan sewa kereta yang diberikan oleh mana-mana orang telah dipindahkan ke Kumpulan K sebagai perkhidmatan sewaan atau pajakan.

7. S : Adakah perkhidmatan mencuci kereta sewa yang disediakan oleh Halim Carwash tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan SKP?

J : Tidak. Perkhidmatan mencuci kereta adalah bukan perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan sewa kenderaan penumpang. Perkhidmatan mencuci kereta adalah perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan pembersihan – butiran 13, kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan – Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Perkhidmatan Pembersihan**.

8. S : Ahmad telah menyewa kereta sewa dari Syarikat MK Rental untuk ke Johor. Ahmad telah disaman oleh polis trafik kerana memandu kereta melebihi had laju di lebuh raya PLUS. Adakah saman tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Tidak. Saman adalah suatu denda atau penalti. Saman yang dikenakan kepada Ahmad adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

9. S : Syarikat PSRA Vehicle Sdn Bhd (SPVSB) telah menyewa sebuah bas untuk kegunaan bas berhenti-henti. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Sewaan ke atas perkhidmatan bas berhenti-henti adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sehingga 30 Jun 2025. Walau bagaimanapun SPVSB perlu memohon untuk mendapatkan lesen pengendali bas berhenti-henti (BB) untuk menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti tersebut.

Berkuat kuasa 1 Julai 2025, perkhidmatan sewaan bas ini telah menjadi perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018. Oleh itu, sekiranya SPVSB menyewa bas

daripada orang berdaftar cukai perkhidmatan untuk kegunaan bas berhenti-henti, perkhidmatan sewaan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Fax : 03-8882 2100 / 2300 / 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my